



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

LAPORAN

PELAKSANAAN PROGRAM TAHUN 2025

NAMA PROGRAM:

**Taklimat Rakan Muda 2025
“Gaya Hidup Rakan Bumi”**

**SMARTGREEN POLYCC
POLITEKNIK KUCHING SARAWAK**


LAPORAN PELAKSANAAN PROGRAM

1.	NAMA PENYELARAS	Jawatankuasa Smartgreen Politeknik Kuching Sarawak
2.	NAMA PROGRAM	Taklimat Rakan Muda 2025 “Gaya Hidup Rakan Bumi”
3.	TARIKH	21 April 2025
4.	TEMPOH	8.30 pagi – 5.00 petang
5.	TEMPAT	Dewan Jubli Perak, Politeknik Kuching Sarawak
6.	KUMPULAN SASARAN	Terbuka
7.	PENCERAMAH	Encik Yaman Bin Yahya, Penolong Pegawai Belia & Sukan (Jabatan Belia dan Sukan Negeri Sarawak)
8.	PENGENALAN PROGRAM	<p>Taklimat Rakan Muda 2025 (Rakan Bumi) merupakan salah satu inisiatif di bawah penjenamaan semula Rakan Muda oleh Jabatan Belia dan Sukan Negeri Sarawak. Diperkenalkan semula pada 25 Jun 2023, konsep baharu Rakan Muda menampilkan sepuluh (10) gaya hidup, antaranya ialah Rakan Bumi, yang memberi penekanan kepada kesedaran alam sekitar dan amalan lestari dalam kalangan belia. Program ini bertujuan mendekatkan golongan muda kepada isu-isu semasa alam sekitar melalui pendekatan gaya hidup yang seronok, bermakna dan berimpak.</p> <p>Selari dengan objektif ini, penganjuran program juga menyokong usaha kerajaan Malaysia dalam melaksanakan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127), khususnya berkaitan kawalan pencemaran, pengurusan buangan dan kelestarian alam sekitar. Program ini bertindak sebagai medium pendidikan tidak formal untuk meningkatkan pemahaman belia terhadap tanggungjawab undang-undang dalam menjaga alam sekitar.</p>
9.	OBJEKTIF PROGRAM	<ol style="list-style-type: none"> 1. Meningkatkan kesedaran belia terhadap kepentingan menjaga alam sekitar dan kelestarian bumi berdasarkan prinsip perundangan alam sekitar negara. 2. Mendorong belia mengamalkan gaya hidup hijau dan mesra alam yang selaras dengan tuntutan Akta 127 dan dasar-dasar berkaitan pengurusan buangan. 3. Menyediakan platform kepada belia untuk menyertai aktiviti komuniti dan kelestarian yang memupuk pemahaman tentang hak dan tanggungjawab sebagai warga negara terhadap alam sekitar. 4. Mengukuhkan nilai tanggungjawab sosial dan cinta alam dalam diri peserta melalui pendedahan kepada isu dan peraturan semasa berkaitan pencemaran, penggunaan plastik dan biodiversiti.

10.	OUTCOME PROGRAM	<ol style="list-style-type: none"> 1. Peserta memahami peranan mereka dalam menangani isu alam sekitar seperti pencemaran, penggunaan plastik dan pembaziran sumber melalui gaya hidup lestari yang mematuhi prinsip dan dasar kelestarian negara. 2. Meingkatkan pengetahuan tentang peruntukan undang-undang berkaitan alam sekitar, khususnya Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127) dan peraturan-peraturannya, sekaligus meningkatkan kefahaman terhadap tanggungjawab perundangan sebagai warganegara. 3. Wujudnya kesedaran bahawa perubahan gaya hidup individu, seperti pengurangan plastik dan aktiviti hijau, memberi impak besar terhadap kelestarian persekitaran dan mematuhi dasar negara ke arah ekonomi hijau. 4. Peserta memperoleh kemahiran asas dalam pengurusan sumber, komunikasi alam sekitar dan kesedaran sivik berkaitan pematuhan undang-undang dan etika dalam pemeliharaan alam sekitar.
11.	KERJASAMA STRATEGIK	Jabatan Belia dan Sukan Negeri Sarawak dan Politeknik Kuching Sarawak
12.	ELEMEN SUSTAINABILITY (SDG)	<p>Aktiviti ini menyumbang secara langsung kepada beberapa Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs), antaranya:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. SDG 12: Penggunaan dan Pengeluaran Bertanggungjawab Program menekankan pengurangan pembaziran makanan dan penggunaan plastik melalui kempen MySave Food dan Rakan Lestari KBS. Pendekatan ini seiring dengan tuntutan Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 di bawah Akta 127, yang menekankan kawalan terhadap bahan dan sisa berbahaya. 2. SDG 13: Tindakan Terhadap Perubahan Iklim Menggalakkan gaya hidup rendah karbon dan penyertaan aktif dalam pemuliharaan alam sekitar. Pemilihan gaya hidup aktif tanpa kebergantungan kepada kenderaan bermotor. 3. SDG 15: Pemeliharaan Kehidupan Daratan Aktiviti seperti Eksplorasi Alam meningkatkan pemahaman tentang biodiversiti dan memupuk kesedaran tentang undang-undang berkaitan perlindungan habitat semula jadi, seperti Akta Pemeliharaan Hidupan Liar 2010 (Akta 716) dan Akta Perhutanan Negara 1984 (Akta 313).

13. KOS	Tidak Berkenaan
14. IMPAK SOSIAL/ALAM SEKITAR/EKONOMI (SDGs)	<p>1. Sosial:</p> <p>Program ini memperkasakan belia sebagai ejen perubahan yang mampu memimpin komuniti dalam isu kelestarian. Melalui penyertaan aktif, ia menggalakkan semangat sukarelawan, membentuk nilai tanggungjawab sosial, dan mempererat jaringan kerjasama antara agensi kerajaan, institusi pendidikan, NGO dan masyarakat setempat.</p> <p>2. Alam Sekitar:</p> <p>Aktiviti-aktiviti yang dijalankan seperti plogging dan eksplorasi alam menyumbang secara langsung kepada pemeliharaan alam sekitar, mengurangkan pencemaran dan menggalakkan amalan patuh undang-undang dalam pengurusan sisa, selaras dengan kehendak Akta 127 dan Akta 672 (Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007).</p> <p>3. Ekonomi:</p> <p>Penerapan amalan seperti pengurangan penggunaan plastik dan pembaziran makanan mendorong gaya hidup berhemah yang menyumbang kepada penjimatan individu dan komuniti. Dalam jangka panjang, program ini menyokong pertumbuhan ekonomi hijau melalui potensi inovasi lestari, keusahawanan sosial dan peluang pekerjaan berkaitan alam sekitar.</p>
15. GAMBAR PROGRAM	Seperti Lampiran 1
16. ULASAN LAPORAN	<p>Program Taklimat Rakan Muda 2025 (Rakan Bumi) berjaya menjadi platform yang menyatukan pendidikan, tindakan dan nilai kelestarian dalam kalangan belia. Penyertaan aktif dalam program ini bukan sahaja meningkatkan kesedaran alam sekitar, malah turut mendidik peserta mengenai kepentingan pematuhan undang-undang alam sekitar di Malaysia. Pendedahan kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, peraturan berkaitan buangan dan pengurusan sumber semula jadi memberikan nilai tambah dari sudut kefahaman sivik dan tanggungjawab bersama.</p> <p>Program ini disarankan untuk diteruskan dan diperluaskan ke peringkat komuniti luar dan institusi pendidikan lain bagi menyemai budaya hijau yang bukan sahaja lestari, tetapi juga berlandaskan perundungan yang sah dan berintegriti.</p>

Disediakan oleh:



HASLINDA BINTI JAMA'IN
(Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi
Jabatan Pengajian Am
Politeknik Kuching, Sarawak.

Tarikh: 28-04-2025

Disahkan oleh:



.....
MOHD NEZUAN BIN OTHMAN
(Timbalan Pengarah (Sokongan Akademik)
Teknik Kuching Sarawak

Tarikh: 28-04-25

Laporan bergambar sekitar Taklimat Kesedaran Integrated Waste Management System (IWMS) in Sarawak

